

26/04/2003

Asia Barat tidak aman selagi Sharon berkuasa

PUTRAJAYA: Malaysia percaya tidak akan wujud keamanan di Asia Barat selagi Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon kekal berkuasa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Sharon tidak akan bersetuju kepada sebarang cadangan untuk mencapai kedamaian di wilayah itu kerana dia tidak mahukan keamanan.

"Sharon percaya jika Iraq, Syria dan negara Islam lain dihentam sehingga tidak lagi dapat mengangkat kepala, ia akan menyelesaikan masalahnya. Bukan keamanan yang dia mahukan.

"Dia mahu keamanan yang diperoleh menerusi peperangan dan pembunuhan musuhnya. Jika ada perubahan kepimpinan kerajaan, seseorang seperti (Yitzhak) Rabin, ia mungkin tercapai. Tetapi saya tidak melihat sebarang harapan dengan Sharon," katanya ketika wawancara bersama Middle East Broadcast di kediamannya di Sri Perdana di sini baru-baru ini.

Wawancara Dr Mahathir itu disiarkan malam kelmarin oleh saluran televisyen Al-Arabia yang berpangkalan di Dubai.

Perdana Menteri ditanya mengenai peluang keamanan di Asia Barat yang kini merasai kekejaman regim Yahudi terutama dengan tumpuan dunia beralih kepada pencerobohan Iraq oleh Amerika Syarikat dan beberapa sekutunya.

Rabin adalah bekas Perdana Menteri Israel yang juga arkitek kepada perjanjian Oslo antara Palestin dan Israel, ditembak mati pada 1995.

Dr Mahathir berkata, Israel mempunyai pengaruh yang kuat dalam politik Amerika sehingga kuasa besar dunia itu tidak dapat menyatakan bantahan terhadap sebarang tindakan Israel.

"Jika ada kerajaan (di Amerika) menentang Israel, kerajaan itu akan tewas dalam pilihan raya. Jadi tiada siapa berani mengambil tindakan yang berlawanan dengan kehendak Israel," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, beliau bukan membenci orang Yahudi dan bersifat antisemitik seperti dimanipulasikan media Barat.

"Jika seseorang menyatakan sesuatu terhadap masyarakat Yahudi, mereka dituduh sebagai antisemitik. Jadi mereka (Yahudi) boleh melakukan apa saja dan tiada siapa boleh menyatakan ia dilakukan oleh orang Yahudi," katanya.

Dr Mahathir berkata, George Soros kebetulan seorang Yahudi dan beliau menyatakan perkara itu dan kenyataannya ditakrifkan sebagai antisemitik.

"Saya tidak menghentam Yahudi seperti semua orang Yahudi jahat. Tetapi pada masa ini, Yahudi di Israel dan pengaruh mereka dalam politik Amerika mencapai tahap ia harus dinyatakan.

"Apabila ini dibuat, anda dikatakan antisemitik. Apa yang saya nyatakan krisis kewangan dilakukan oleh seorang pembiaya kewangan berbangsa Yahudi terhadap Malaysia. Saya nyatakan namanya kerana apabila kita bercakap mengenai pengganas, orang dengan pantas menyatakan pengganas Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia terus bersuara bagi menyatakan ketidakadilan yang berlaku.

"Kerana takut dikenakan tekanan, kita tidak harus bersuara. Itu adalah salah. Sebab itu Malaysia berterus terang. Saya berterus terang. Itu yang dapat dilakukan Malaysia ketika ini," katanya.